

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [LUMUT]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memperkasakan kebebasan maklumat. Adakah Kementerian berhasrat untuk mengambil contoh daripada Enakmen Kebebasan Maklumat di Pulau Pinang dan Selangor dan meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 untuk memperkasakan lagi hak mendapatkan maklumat dalam kalangan masyarakat.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 11 Julai 2018 telah bersetuju supaya Akta Kebebasan Maklumat digubal di peringkat Persekutuan. Pelaksanaan cadangan ini diletakkan di bawah bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) dan turut dibantu oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Dalam konteks cadangan penggubalan Akta ini, matlamat utama Kerajaan adalah untuk memastikan akses masyarakat kepada maklumat sahlah adalah dengan lebih terbuka dan telus.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan libat urus dengan pihak-pihak yang berkepentingan iaitu Kerajaan Negeri

Pulau Pinang dan Selangor, Pejabat Ketua Pengawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), KKMM dan wakil *Civil Society Organisation*.

Satu bengkel juga telah diadakan pada pada 13 Oktober 2020 untuk mendapatkan maklumat daripada Kementerian/Jabatan berkaitan penetapan parameter gubalan Akta Kebebasan Maklumat, jenis-jenis maklumat untuk dikongsi dan mekanisme yang bersesuaian bagi perkongsian maklumat dengan orang awam. Bengkel tersebut juga telah mendapatkan pandangan berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] yang sedia ada dan kedudukan Akta ini dalam kerangka penggubalan Akta Kebebasan Maklumat.

Seterusnya, kajian ini akan memfokuskan kepada penyediaan suatu undang-undang tentang kebebasan maklumat yang pada masa yang sama akan melindungi perkara yang berhubung soal keselamatan, pertahanan dan lain-lain yang penting untuk kedaulatan negara.

Sekian, terima kasih.